

Skema Jawapan
Bahagian A

- Format : Tiada
Takrif : Pelajar menghuraikan cara-cara untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan
Kemungkinan : markah sederhana – Calon membincangkan keadaan/situasi dalam keluarga bahagia
markah lemah – Calon membincangkan keadaan/situasi dalam keadaan yang tidak bahagia.

Pengenalan:

Sistem kekeluargaan yang utuh menjamin kesejahteraan dalam keluarga. Setiap ahli keluarga berperanan penting dalam mewujudkan keluarga yang aman dan bahagia.

Idea/Isi Topik:

1. Makan bersama-sama – Cara ini adalah cara yang mudah untuk meluangkan masa bersama-sama. Sambil menikmati hidangan setiap ahli keluarga boleh bertegur sapa dan bergurau senda
2. Meluangkan masa untuk bercuti – anak-anak boleh mencadangkan kepada ibu bapa agar bercuti pada masa-masa tertentu untuk merehatkan minda sambil mengisi masa yang berkualiti bersama keluarga
3. Mendengar masalah – Ibu bapa meluangkan masa bertanya masalah yang dihadapi oleh anak-anak dan berusaha untuk membantu anak-anak menghadapi masalah. Ibu bapa juga boleh berkongsi masalah dengan anak-anak agar mereka ada kesedaran tentang tanggungjawab dan peranan mereka dalam keluarga.
4. Membantu dalam pelajaran – selain ibu bapa, kaka dan abang yang besar dalam keluarga harus saling membantu dalam keluarga agar dapat menyelesaikan masalah pembelajaran

Penutup:

Keluarga yang bahagia idaman semua insan. Keluarga yang bahagia melahirkan ahli keluarga yang berakhlak mulia dan berfikiran positif.

Bahagian B

Soalan 1:

Perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh pelajar yang tamat alam persekolahan supaya tidak mengalami masalah selepas tamat alam persekolahan kelak.

Pendahuluan:

Memiliki sijil/diploma/ijazah memang merupakan impian semua pelajar yang telah menamatkan alam persekolahan – adakah gulungan ijazah merupakan penentu untuk mendapat pekerjaan yang baik

Isi utama

1. Sentiasa peka kepada persekitaran dan media massa untuk mendapat maklumat kekosongan jawatan
2. Menghadiri kursus pendek berkaitan kerjaya yang dianjurkan oleh institusi swasta atau awam
3. Menghadiri program motivasi anjuran pihak sekolah/NGO atau kerajaan
4. Mendengar nasihat dari ibu bapa , guru atau rakan yang lebih berpengalaman
5. Persiapan diri seperti ketrampilan diri, keyakinan diri . Mantapkan komunikasi dengan pihak lain.

Penutup:

Diharapkan dengan persediaan yang baik, pelajar yang telah menamatkan alam persekolahan mampu mengharungi hidup – kepekaan dan tanggungjawab terhadap diri akan membantu pelajar untuk memperoleh pekerjaan.

Soalan 2

Ibu bapa pada hari ini lebih cenderung menghantar anak-anak mengikuti kelas tuisyen atas kepercayaan bahawa cara ini dapat meningkatkan prestasi akademik anak-anak.

Pendahuluan

- Bagi para pelajar, mengikuti kelas tuisyen sudah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat.
- Alam persekolahan menjadi tidak lengkap tanpa mengikuti kelas tuisyen.
- Ibu bapa sanggup menghabiskan wang bagi mendapatkan perkhidmatan pusat tuisyen yang terbaik.

ISI-ISI: Kesan Baik

- Meningkatkan dan mengukuhkan pemahaman pelajar – apa-apa yang dipelajari di sekolah dapat diulang kaji semasa mengikuti kelas tuisyen.
- Pelajar dapat mengukuhkan pemahaman tentang sesuatu topik dan berasa lebih yakin dan berani untuk mengajukan sebarang persoalan.

- Dapat mengulang kaji pelajaran – pelajar terlalu terbeban dengan pelbagai tugas di sekolah – menghalang mereka mengulang kaji pelajaran – kelas tuisyen ibarat kelas untuk menelaah pelajaran.
- Banyak soalan berbentuk format peperiksaan disediakan – membiasakan pelajar dengan soalan-soalan berbentuk peperiksaan

ISI-ISI : Kesan Buruk

- Kurang tumpuan di sekolah – pelajar tidak berminat semasa belajar di sekolah – berfikir kelas tuisyen dapat menjadi tempat pergantungan – menimbulkan masalah kepada para guru di sekolah – pelajar hilang semangat untuk belajar – mereka menimbulkan pelbagai masalah disiplin.
- Membebankan ibu bapa – ibu bapa pelajar terpaksa mengeluarkan belanja yang agak tinggi setiap bulan – menganggap tuisyen sebagai satu keperluan untuk anak-anak dalam memperluas sumber rujukan dan bahan bacaan.
- Guru-guru tidak bertauliah – pusat tuisyen mengambil guru-guru tidak bertauliah – guru lepasan SPM dan STPM untuk menjimatkan belanja yang tinggi membayar guru-guru mahir – pemilik pusat tuisyen hanya memikirkan keuntungan – bukan kebajikan para pelajar – guru-guru yang tidak bertauliah tidak dapat memberikan pengajaran yang terbaik – hanya mengulang semula apa-apa yang telah dipelajari oleh pelajar di sekolah – membosankan pelajar

Penutup

- Perkembangan pusat tuisyen perlu dipantau oleh pihak berkuasa.
- Mutu pengajaran dan bimbingan yang disediakan sejajar dengan status sebagai pusat bimbingan dan kecemerlangan.

Soalan 3

Anda bercadang untuk menulis surat kepada pegawai daerah menyatakan keistimewaan-keistimewaan yang terdapat di kampung anda dan cadangan-cadangan untuk meningkatkan kemudahan yang sedia ada.

Pendahuluan:

Menyatakan tujuan iaitu menerangkan keistimewaan Kampung Sri Perkasa dan cadangan-cadangan untuk meningkatkan infrastruktur yang sedia ada bagi menjadikannya sebuah kawasan pelancongan yang menarik.

Isi:

1. Keindahan alam semula jadi yang memukau. Contohnya, keindahan hasil laut seperti batu karang yang menarik.
2. Kedudukan geografi yang strategik dan kadar ketersampaian yang tinggi. Contohnya, kampung berdekatan dengan bandar dan mempunyai jalan raya yang dapat menghubungkannya ke semua tempat.
3. Sifat masyarakat yang hidup dalam keharmonian dan sedia menyambut kedatangan pelancong. Contoh bahawa masyarakat hidup bersatu padu ialah kampung ini pernah memenangi anugerah “Kampung Wawasan”.
4. Membina kawasan penginapan dan rekreasi.

5. Menubuhkan sebuah pasukan keselamatan khas bagi menjamin keselamatan para pelancong.
6. Membina sebuah landskap yang menarik bagi menarik minat pelancong.
7. Menambah kemudahan asas bagi memenuhi keperluan pelancong dan masyarakat setempat.

Penutup:

Menyatakan harapan agar Kampung Sri Perkasa dijadikan sebuah kawasan pelancongan yang menarik dan kesannya kampung ini akan menjadi lebih maju dan terkenal di seluruh pelosok dunia.

Soalan 4

Kemelesetan ekonomi dunia menjejaskan kehidupan rakyat di kebanyakan negara.

Jelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh negara-negara di dunia untuk menangani masalah kemelesetan ekonomi dunia.

Tugasan soalan:

Pelajar dapat menjelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh negara-negara di dunia untuk menangani masalah kemelesetan ekonomi dunia.

Format: Tiada

Idea / isi

- Memberikan tumpuan kepada aktiviti pertanian untuk memastikan bekalan makanan rakyat mencukupi/berterusan
- Mengurangkan kadar cukai import ke atas bahan makanan
- Menjalinkan hubungan dalam bidang ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara lain.
- Beri tumpuan kepada ekonomi domestik
- Negara-negara miskin mengurangkan perbelanjaan untuk pertahanan
- Mengelakkan negara daripada terlibat dalam kancah peperangan
- Memastikan negara sentiasa dalam keadaan aman/ elakkan perang saudara.

Soalan 5

Anda ingin menyertai pertandingan menulis cerpen sempena Bulan Bahasa peringkat kebangsaan anjuran Persatuan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Tema cerpen yang ditetapkan ialah pengorbanan

Tulis cerpen anda itu selengkapnya.

Tugasan soalan: Pelajar dapat menulis sebuah cerpen yang bertemakan pengorbanan

Format:

- Cerpen
- tajuk
- nama penulis

Tolak 1 markah jika tiada format. Maksimum 2m

Idea / isi

- i. Tema – pengorbanan seseorang dalam mencapai cita-cita / membantu ibu bapa / keluarga
- ii. Watak dan perwatakan
- iii. Persoalan – persoalan (yang berkaitan dengan pengorbanan)
- iv. Plot (permulaan, perkembangan, klimaks dan peleraian)
- v. Teknik plot (imbis kembali, saspens, imbas muka, monolog, dan lain-lain)
- vi. Pengajaran.

Skema Jawapan Tamat

CADANGAN JAWAPAN KERTAS BAHASA MELAYU KERTAS 2
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM ZON C

Bahagian A : Rumusan (30 markah)

Pendahuluan :

Petikan membincangkan kaedah-kaedah / cara-cara / tindakan yang perlu diambil untuk mengurangkan wabak denggi. [2m]

Isi-isi tersurat : (Langkah-langkah mengurangkan wabak denggi)

1. Mengambil langkah berjaga-jaga dalam memastikan penyakit demam denggi tidak menular dan mengorbankan lebih banyak nyawa. [2m]
2. Rakyat perlu memahami simptom-simptom apabila dijangkiti demam denggi. [2m]
3. Rakyat bertanggungjawab untuk memastikan tiada ruang untuk nyamuk aedes membiak. [2m]
4. setiap individu memastikan tiada takungan air. [2m]
5. aspek kebersihan di kawasan persekitaran perlu diberikan perhatian. [2m]
6. Kawalan dan pencegahan penyakit demam denggi perlu menerusi uasah bersepadu dan besar-besaran. [2m]
7. Aktiviti penyemburan asap untuk membunuh nyamuk aedes diperingkat dan diperluas. [2m]
8. PBT perlu lebih kerap turun padang untuk memeriksa tahap kebersihan. [2m]
9. Pemeriksaan di tapak-tapak projk terbengkalai wajar menjadi keutamaan PBT. [2m]
10. PBT perlu meningkatkan pemeriksaan di kawasan projek pembinaan. [2m]

Isi-isi tersirat : (Kesannya jika negara bebas daripada denggi)

1. Kos perubatan merawat penyakit denggi dapat digunakan untuk mengubati penyakit yang lebih kritikal. [2m]
2. Kerajaan dapat memberikan lebih banyak fokus terhadap pembangunan Negara. [2m]
3. Jumlah kematian rakyat berpunca daripada penyakit tersebut dapat dikurangkan. [2m]
4. Rakyat tidak berasa bimbang dan lebih berkeyakinan menjalankan kehidupan seharian. [2m]

Kesimpulan :

Kesimpulannya / Tuntasnya / Konklusinya , masyarakat perlulah bekerjasama dengan kerajaan dalam mengurangkan nyamuk aedes agar / supaya wabak denggi dapat dikurangkan dari semasa ke semasa. [2m]

- *mana-mana isi yang relevan boleh diterima.*
-

Bahagian B : Soalan Pemahaman (35 markah)

Soalan 2 (a) Petikan Umum

- (i) Rangkaian kata bermaksud perdebatan berkaitan peningkatan penyakit yang merebak. [2m]
- (ii) Sikap negatif masyarakat :
- amalan-amalan murni bergotong-royong membersihkan kawasan kejiranan tidak lagi begitu mendapat sambutan. [1m]
 - segelintir masyarakat yang mengambil sikap lepas tangan terutamanya dalam mengawal risiko penularan wabak itu. [1m]
 - masyarakat menganggap hal-hal yang berkaitan kebersihan tempat awam menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. [1m]
- (iii) Sebab masyarakat kurang mengambil berat akan bahaya wabak denggi :
- pesakit demam denggi dapat diselamatkan. [1m]
 - selagi tiada keluarga sendiri yang terkorban akibat wabak denggi, selagi itulah masyarakat tidak akan bersikap peka. [1m]
 - tiada kesedaran masyarakat tentang bahaya wabak denggi. [1m]
 - tindakan Jabatan Kesihatan dalam menangani wabak denggi kurang berkesan. [1m]
 - denda RM500.00 bagi persekitaran yang memiliki jentik-jentik dan aedes kurang menakutkan masyarakat. [1m]

Soalan 2(b) Petikan cerpen

- (i) *Jelaskan usaha yang dilakukan oleh Annyss dan Eyrique untuk menyelamatkan Akmal ?* (2 markah)
- Meletakkan tangan di atas luka yang tidak kelihatan pada dada Akmal, memasukkan cahaya kebiruan ke dalam dada Akmal supaya dapat merasai kesakitan yang berlaku kepada Akmal.
- (ii) *Pada pendapat anda, adakah tindakan Annyss dan Eyrique menyelamatkan Akmal wajar. Berikan alasan anda.* (3 markah)
- Wajar kerana Akmal sanggup berkorban demi keselamatan mereka berdua.
 - Akmal ialah sahabat Annyss yang banyak membantu Annyss.
 - Sebagai tanda membalas pengorbanan Akmal dan kasih sayang sesama insan.
 - Akmal tidak bersalah dan tidak selayaknya mendapat nasib buruk.
- (iii) *Huraikan satu nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas dan satu nilai murni dalam keseluruhan cerpen.* (4 markah)
- [dalam petikan] Semangat setiakawan – Akmal sanggup mempertaruhkan nyawanya demi Annyss dan Eyrique.
 - [dalam cerpen] Kasih sayang – Annyss sanggup mengembara ke bumi dan di serata tempat untuk mencari kembarnya.
 - [dalam cerpen] Keberanian-

Soalan 2(c) Petikan Klasik

- (i) *Berikan maksud rangkai kata minta dilynepkan juga daripada mata ibu bapanya?*
(2 markah)
- disuruh agar diculik/dilynepkan daripada ibu bapanya.
- (ii) *Nyatakan sikap yang patut dijauhi yang terdapat dalam petikan di atas.*
(3 markah)
- Hasad dengki dan dendam
 - Bersekongkol untuk melakukan kejahatan
 - Gembira di atas kesusahan orang lain
- (iii) *Pada pandangan anda, apakah yang harus dilakukan oleh seseorang jika mereka hidup berjiran?*
(3 markah)
- Saling membantu antara satu sama lain
 - Tidak iri hati dan berdendam
 - Bertolak ansur
 - bermusyawarah

Soalan 2(d) – Petikan Seloka Pak Kaduk [9 markah]

- (i) *Tindakan-tindakan kurang bijak yang dilakukan oleh Pak Kaduk ialah:*
- Mempertaruhkan kampungnya sehingga menyebabkan kampungnya tergadai. [1m]
 - Mencerahkan/membuang nasi sehingga dia kebuluran. [1m]
 - Mempunyai rumah tetapi dijadikan tempat persinggahan sahaja. [1m]
- (ii) *Tiga cara untuk membina kematangan fikiran ialah :*
- Belajar/menuntut ilmu. [1m]
 - Meningkatkan amalan membaca pelbagai bahan bacaan. [1m]
 - Belajar daripada pergaulan dengan orang dewasa dan mengutip pengalaman mereka. [1m]
- (iii) *Tiga pengajaran yang terdapat dalam Seloka Pak Kaduk ialah:*
- Kita janganlah membazirkan makanan. [1m]
 - Seseorang suami janganlah bersikap zalim terhadap isteri. [1m]
 - Kita hendaklah berfikir dengan rasional sebelum melakukan sesuatu perkara. [1m]

3(a) Membina Ayat

- (i) Anak kapal itu bersorak gembira ketika mereka menjejakkan kaki ke pelabuhan sesudah menghabiskan masa berbulan-bulan di laut.
- (ii) Kedua-dua anak tangga itu patah dipihaknya ketika dia hendak naik ke atas rumah.
- (iii) Setelah mendapat khidmat rawatan di pusat itu, Tan mendapati banyak anak rambut barunya tumbuh.
- (iv) Anak dagang tidak wajar membawa resmi ayam jantan ketika berada di tempat orang.
- (v) Selepas negara mencapai kemerdekaan barulah anak tempatan diberi peluang untuk memegang jawatan pengurus besar syarikat itu.
- (vi) Anak gahara itu dinafikan haknya untuk menaiki takhta pemerintahan selepas berlaku rampasan kuasa oleh pihak tentera.

3 (b) (i) Bandar Putrajaya sangat cantik dan bersih

- (ii) Program ini dapat disempurnakan sepenuhnya dalam masa satu tahun lagi.
- (iii) Kebanyakan penyakit yang berbahaya merebak kerana pencemaran makanan dan minuman.

3 (c) Membetulkan kesalahan ejaan dan penggunaan imbuhan

	Kesalahan ejaan		Kesalahan penggunaan imbuhan
i	Pamiran sepatutnya <i>pameran</i>	i	mempromosi sepatutnya <i>mempromosikan</i>
ii	restoren sepatutnya <i>restoran</i>	ii	mengwujudkan sepatutnya <i>mewujudkan</i>
iii	kuminiti sepatutnya <i>komuniti</i>	iii	rujukkan sepatutnya <i>rujukan</i>

3 (d) Membetulkan kesalahan istilah dan tatabahasa

- (i) pusat-tapak di atas-atas
- (ii) melihat-menonton tomato sos-sos tomato
- (iii) pekerja-kerja daripada-dari

3 (e) Peribahasa

- (i) bagai penukul dengan besi (2 m)
- (ii) belakang parang jikalau diasah nescaya menjadi tajam (2 m)
- (iii) sehelai sepinggang (2 m)

Soalan 4 (Novel)

- (a) *Huraikan dua teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang sesebuah novel yang anda pelajari . [7 markah]*

Novel Terminal Tiga karya Othman Puteh

- i. Teknik imbas kembali – contohnya, semasa di dalam pesawat Rimpa mengimbas kembali peristiwa ibunya menghalangi pemergiannya ke Akademi Seni Kebangsaan di Kuala Lumpur
- ii. Teknik kejutan – contohnya, pembaca terkejut apabila Ruzaini muncul di Akademi Seni Kebangsaan dan bekerja sebagai jurutaip.

Novel Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah

- i. Teknik imbas kembali – contohnya, Awanis mengimbas kembali peristiwa kematian ibu bapanya akibat kemalangan jalan raya
- ii. Teknik saspens – contohnya, pembaca tertanya-tanya sama ada Aita akan diterima oleh ibu bapa kandungnya atau tidak.

- (b) *Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, jelaskan dua pengajaran yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]*

Novel Terminal Tiga karya Othman Puteh

1. Kita hendaklah taat kepada perintah Tuhan walau di mana sahaja.
Contoh : *Sebelum berangkat pulang ke Sabah, Rimpa menunaikan solat maghrib di surau di Terminal 3.*
2. Kita hendaklah berjimat cermat dalam kehidupan.
Contoh : *Rimpa menaiki pesawat malam untuk menjimatkan kos.*
3. Seorang anak hendaklah bertanggungjawab terhadap keluarga
Contoh : *Rimpa pulang ke sabah untuk mencari ayahnya yang dikatakan berada di Nabawan.*
4. Kita hendaklah membantu orang yang dalam kesusahan
Contoh : *Bang Maily dan rakan-rakan Rimpa selalu membantu Rimpa dari segi kewangan.*
5. Anak gadis janganlah mudah percaya kepada kata-kata manis orang.
Contoh : *Ruzaini meninggalkan keluarganya kerana terpengaruh dengan kata-kata pendakwah yang datang ke kampungnya.*
6. Setiap ahli keluarga haruslah mempunyai perasaan kasih sayang
Contoh : *Rimpa sayang kepada ibu dan adik-adiknya dan dia pulang ke Sabah pada masa cuti untuk menjengok keluarganya.*

Novel Seteguh Karang karya Tun Faridah Syed Abdullah

1. Setiap ahli keluarga haruslah mempunyai kasih sayang yang sama rata.
Contoh : *Awanis menyayangi Anita walaupun Anita hanya anak angkat dalam keluarganya.*
2. Setiap remaja haruslah tabah menghadapi cabaran.
Contoh : *Awanis tabah menghadapi kerana Encik Johari yang suka membulinya seperti menyuruh dia menunggang motosikal tanpa brek.*
3. Masyarakat haruslah menghindari sikap suka menjaga tepi kain orang.
Contoh: *Kak Sofia dan kak Maznah suka mengusik hubungan antara Awanis dengan Wan Asri.*
4. Kita janganlah mempercayai kepercayaan karut yang boleh memecah belahkan keluarga.
Contoh: *Encik Lee menyerahkan anaknya kepada orang lain kerana percaya anaknya itu membawa sial kepada perniagaannya.*
5. Kia haruslah rajin bekerja untuk mencari rezeki.
Contoh : *Bambang, Budi dan rakan-rakan mereka yang lain ialah buruh Indonesia yang rajin bekerja di lading kelapa sawit.*
6. Remaja haruslah bijak berdikari dalam meneruskan kehidupan.
Contoh : *Awanis mendaftar di ITM seorang diri kerana ayah dan ibunya telah meninggal dunia.*